

# HUBUNGAN LUAR MALAYSIA

Latar belakang dasar luar Malaysia

Bincangkan latar belakang dasar luar

Malaysia.

Matlamat dasar luar Malaysia

Apakah matlamat dasar luar Malaysia?

1. Matlamat dasar luar Malaysia ialah berbaik-baik dengan semua negara.
2. Tujuannya ialah menjamin keselamatan rakyat dan negara
3. Ianya juga adalah untuk mengekalkan kedaulatan negara.
4. Selain itu dapat memelihara kepentingan nasional dengan menggalakkan pembangunan dan kemajuan ekonomi.
5. Di samping itu juga dapat mengekalkan keamanan sejagat dalam usaha untuk mengekalkan kerjasama di peringkat antarabangsa.
6. Secara langsung ia dapat menjadikan negara kita sebagai warga global yang bertanggungjawab dan peka terhadap terhadap usaha untuk memupuk kesejahteraan dunia.

Bentuk hubungan luar

Apakah bentuk hubungan luar Malaysia?

1. Malaysia melaksanakan dua bentuk hubungan luar dengan negara-negara lain iaitu hubungan bilateral dan multilateral.
2. Hubungan bilateral merujuk pada hubungan secara terus dengan negara-negara tertentu.
3. Contohnya hubungan Malaysia dengan Singapura, Indonesia, Thailand dan Vietnam.
4. Selain itu hubungan luar juga diadakan dengan negara ASEAN yang lain, Amerika Latin, Afrika, Asia Barat serta negara maju seperti Britian dan Amerika Syarikat.
5. Hubungan multilateral pula merujuk pada hubungan dalam bentuk kumpulan dan pertubuhan
6. Contohnya Persatuan negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Komenwel, Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan sebagainya.

**Asas penggubalan dasar luar.**

## (a) FAKTOR SEJARAH

1. Sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka telah terjalin hubungan dengan negara luar seperti China, Arab, Siam dan juga negeri-negeri di Kepulauan Melayu
2. Hubungan ini berbentuk hubungan perdagangan.
3. Pada masa ini telah terjalin hubungan Melayu serumpun di Kepulauan Melayu
4. Contohnya hubungan antara Indonesia, Brunei, Singapura dan Malaysia.
5. Setelah mencapai kemerdekaan, Malaysia menyertai pertubuhan Komanwel
6. Hubungan diplomatik dengan Britian dan negara Komenwel lain seperti Australia dan New Zealand.
7. Pada masa itu, Malaysia sedang diancam oleh fahaman komunis yang disebarluaskan oleh Parti Komunis Malaya (PKM).
8. Ancaman komunis ini menggugat keselamatan negara Malaysia
9. Ini mendorong Malaysia mengamalkan dasar luar yang pro-Barat dan antikomunis.
10. Pada masa yang sama, Malaysia masih bergantung kepada kuasa Barat kerana Malaysia belum mempunyai keupayaan pertahanan .

## (B) FAKTOR EKONOMI

1. Malaysia merupakan negara yang mengamalkan pasaran bebas.
2. Malaysia juga menjalin hubungan baik dengan negara-negara lain di dunia dalam usaha memajukan ekonominya.
3. Sejak zaman penjajahan British lagi Malaysia merupakan antara negara pengeluar utama bijih timah dan getah.
4. Pada masa ini telah terjalin hubungan ekonomi antara Malaysia dengan negara-negara maju seperti Britian dan Amerika Syarikat.
5. Setelah mencapai kemerdekaan, Malaysia masih mengharapkan pasaran dan juga modal dari negara-negara tersebut.
6. Beberapa langkah telah diambil bagi menggalakkan pelaburan asing.
7. Langkah ini diharapkan dapat meningkatkan ekonomi negara
8. Ianya juga dapat menyediakan peluang pekerjaan.

9. Menjelang tahun 1980-an, melalui Dasar Pandang Ke Timur, pelaburan asing juga digalakkan dari negara-negara di Timur terutama Jepun dan Korea.
10. Pada masa yang sama, Malaysia juga menjalin hubungan baik dengan negara-negara sedang membangun dan negara-negara Islam.
11. Tujuannya ialah bagi meningkatkan pasaran barang keluaran Malaysia
12. Di samping itu, dapat mengadakan pelaburan di negara berkenaan.

## (C) FAKTOR POLITIK

1. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen, Malaysia berhak menentukan hala tuju masa depannya sendiri berdasarkan prinsip-prinsip keamanan sejagat.
2. Dasar luar Malaysia menekankan pemeliharaan kedaulatan negara-negara lain.
3. Contohnya dasar Malaysia yang menyokong Palestin bagi mewujudkan keamanan di rantau Asia Barat.
4. Malaysia juga berpegang teguh pada prinsip-prinsip dan Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi memelihara keamanan dunia.
5. Oleh itu Malaysia tegas dengan pendiriannya menyokong semua resolusi yang telah diambil oleh PBB bagi mencapai dan mengekalkan keamanan dunia.

4. Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama diberikan kebebasan sepenuhnya untuk mengamalkan budaya hidup dan agama masing-masing.
5. Amalan konsep perpaduan dan sikap komited terhadap hak asasi manusia menyebabkan Malaysia menentang keras Dasar Apartheid yang diamalkan di Afrika Selatan.
6. Malaysia juga tidak mengadakan sebarang hubungan diplomatik dengan negara berkenaan sehingga undang-undang Dasar Apartheid itu dihapuskan oleh kerajaan Afrika Selatan.
7. Oleh itu, faktor kepelbagaian kaum di negara ini amat mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia.
8. Perkembangan dasar luar Malaysia.



## (D) FAKTOR GEOGRAFI

1. Malaysia mempunyai kedudukan yang strategik di Asia Tenggara
2. Negara kita bersempadan dengan negara seperti Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina dan Brunei.
3. Perairannya juga menjadi laluan utama kapal-kapal perdagangan di dunia.
4. Dengan itu, keselamatan negara serantau akan mempengaruhi dan meninggalkan kesan terhadap keselamatan Malaysia.

## (E) FAKTOR DEMOGRAFI

1. Malaysia telah menjalinkan hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara Islam sejarah dengan penduduknya yang majoriti beragama Islam.
2. Malaysia tidak mengadakan hubungan diplomatik dengan negara Israel
3. Ini disebabkan dasar negara berkenaan menceroboh dan menindas peribumi Palestin.

# Huraikan perkembangan dasar luar

## Malaysia mengikut tahap berikut:

### (a) Tahap Pertama




1. Tahap Pertama adalah semasa pemerintahan Perdana Menteri pertama iaitu Tunku Abdul Rahman (1957-1970)
2. Dasar luar Malaysia pada tahap pertama memperlihatkan dasar pro-Barat yang antikomunis
3. Malaysia juga berbaik-baik dengan negara jiran dan Komanwel.
4. Dasar luar berkenaan dilaksanakan oleh Tunku Abdul Rahman disebabkan faktor politik, ekonomi dan sosial.
5. Faktor politik merujuk pada ancaman komunis di negara-negara Asia Tenggara dan juga dalam negara melalui Parti Komunis Malaya.
6. Oleh itu, Malaysia memerlukan bantuan pertahanan daripada negara-negara Komanwel terutama Britain, Australia dan New Zealand.
7. Bagi menyekat perkembangan pengaruh Komunis, Malaysia telah menandatangani Perjanjian Pertahanan Inggeris-Tanah Melayu atau Anglo-Malayan Defence Treaty (AMDA) pada tahun 1956.
8. Mengikut perjanjian ini pihak British akan memberikan bantuan kepada Malaysia sekiranya diserang oleh mana-mana negara.
9. Dasar luar Malaysia juga adalah berbaik-baik dengan negara jiran.
10. Hal ini disebabkan timbulnya krisis dengan negara jiran terutama selepas Malaysia mencapai kemerdekaan
11. Contohnya konfrontasi dengan Indonesia (1963-1965), terputusnya hubungan dengan Filipina (1963-1965) dan keluarnya Singapura daripada Malaysia (1965).
12. Usaha-usaha untuk memelihara hubungan dengan negara jiran terbukti melalui beberapa perjanjian.
13. Malaysia telah menandatangani perjanjian menuju Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASA) pada tahun 1961 bersama-sama Thailand dan Filipina.
14. Seterusnya, MAPHILINDO pada tahun 1962 bersama-sama Indonesia dan Filipina
15. Perjanjian ASEAN telah ditandatangani pada tahun 1967 bersama-sama Thailand, Indonesia, Filipina dan Singapura.
16. Faktor ekonomi pula memperlihatkan pergantungan Malaysia kepada Britain dalam menjaga kepentingan ekonomi negara ini.

17. Hal ini disebabkan Malaysia merupakan anggota blok sterling yang menjalankan urusan perdagangan dalam nilai mata wang paun sterling.
18. Malaysia masih memberikan tumpuan kepada dua hasil utamanya, iaitu bijih timah dan getah dengan mengharapkan sepenuhnya permintaan daripada negara Barat termasuk Britain.
19. Pelabur Britain juga masih menguasai peratus yang besar dalam ekonomi Malaysia terutama dalam bidang perladangan dan perindustrian.
20. Bagi mengurangkan pergantungan ini, Malaysia yang mengamalkan pasaran bebas mula membina rangkaian perdagangan dengan negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, Jepun, Singapura dan Jerman Barat
21. Tujuannya untuk mengurangkan pergantungan kepada Britain
22. Di samping itu ianya juga bertujuan mencari pasaran baru.

### (b) Tahap Kedua

1. Tahap Kedua adalah semasa pentadbiran Tun Abdul Razak (1972-1981) dan Tun Hussein Onn (1972 – 1976).



2. Menjelang tahun 1970-an, dasar luar Malaysia mula berubah kepada dasar berkecuali dan berbaik-baik dengan semua negara.
3. Perubahan dasar luar ini disebabkan kurangnya peranan yang dimainkan oleh AMDA
4. Pengaruh Britain juga semakin kurang di Timur.
5. Perubahan dasar ini juga disebabkan oleh pergolakan yang berlaku di Vietnam yang melibatkan dua kuasa besar, iaitu Amerika Syarikat dan China.
6. Bagi mencapai matlamat dasar luar Malaysia, beberapa usaha telah dilakukan seperti mengisyiharkan konsep Zon Aman, Bebas dan berkecuali (ZOPFAN) bersama-sama dengan anggota negara ASEAN.
7. Malaysia juga telah menjalin hubungan diplomatik dengan negara berfahaman komunis
8. Contohnya China, Jerman Timur, Korea Utara, Vietnam Utara dan Mongolia.

9. Malaysia turut mengadakan hubungan diplomatik dengan Vietnam pada tahun 1976.
10. Masalah pelarian Vietnam di Malaysia dapat diatasi dengan kerjasama negara-negara jiran.

### (c) Tahap Ketiga



1. Tahap ketiga adalah semasa pemerintahan Tun Dr Mahathir bin Mohamad (1981-2003)
2. Ia masih mengekalkan dasar-dasar tahap kedua tetapi memberikan penekanan kepada kepentingan ekonomi
3. Kepentingan ini berkaitan dengan isu-isu perdagangan, pelaburan dan pembangunan terutamanya dalam kalangan negara membangun.
4. Bagi mencapai matlamat tersebut, Malaysia telah mengadakan hubungan yang lebih erat dengan negara-negara ASEAN seperti menyelesaikan krisis Vietnam dan Kampuchea.
5. Dasar Pandang ke Timur telah diperkenalkan pada tahun 1982 dengan menggunakan Jepun dan Korea Selatan sebagai model bagi membangunkan negara Malaysia.
6. Dasar ini bertujuan menggalakkan rakyat Malaysia mengambil dan menerima pakai nilai-nilai yang baik seperti semangat mencintai negara, kesungguhan dalam pekerjaan dan etika pengurusan kerja yang baik.
7. Malaysia juga telah mempertingkatkan hubungan dua hala dengan negara-negara lain menerusi lawatan yang dilakukan oleh Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad ke negara Afrika, Amerika Selatan, Caribbean dan Pasifik Selatan.
8. Dalam setiap misi lawatannya, misi perdagangan Malaysia akan turut serta dan menandatangani perjanjian perdagangan dua hala yang menguntungkan kedua-dua belah pihak.

9. Beliau percaya Malaysia perlu menjalin hubungan politik dan perdagangan dengan negara maju dan negara Dunia Ketiga.

### **Dasar Luar Malaysia semasa pemerintahan Tun Abdullah Ahmad Badawi (2003-2009)**

1. Beliau meneruskan kesinambungan dasar luar Malaysia era Perdana Menteri sebelumnya .
2. Malaysia menjadi Pengurus Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM)
3. Beliau juga menjadikan Malaysia sebagai negara Islam contoh yang bertoleransi dan progresif melalui konsep Islam Hadhari
4. Penghantaran pelajar Malaysia ke Jepun untuk mengikuti pembelajaran pelbagai bidang
5. Kerjasama dengan Jepun dalam bidang teknikal. Beliau membentuk “task force” dalam membantu usaha mewujudkan keamanan di Selatan Thailand



### **Dasar Luar Malaysia semasa pemerintahan Dato' Sri Najib Abdul Razak (2009- kini)**

1. Beliau meneruskan dasar luar yang kukuh yang membantu mewujudkan ekonomi yang mantap dan dinamik.
2. Penekanan diberikan dalam kerjasama serantau dan antarabangsa terutamanya dengan ASEAN,OIC, NAM.
3. Di samping itu, beliau juga menekankan kepentingan hubungan dua hala dengan negara-negara yang berdagang dengan Malaysia (trading partner).
4. Contohnya seperti negara China, Jepun, Singapura, Amerika Syarikat.
5. Dato' Sri Najib meneruskan hubungan dua hala yang mesra dengan negara jiran.



6. Pendekatan yang membina diambil untuk menyelesaikan masalah tuntutan bertindih, penetapan sempadan tanah dan maritim.
7. Setiap usaha diplomatik dilaksanakan untuk memastikan hubungan dua hala dengan negara jiran tidak terjejas.
8. Masalah berkaitan tuntutan wilayah bertindih dirujuk kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).
9. Perwakilan Diplomatik Malaysia di luar negara telah meningkat kepada 105 buah negara hari ini berbanding 21 buah pada tahun 1966.
10. Hubungan dua hala Malaysia-China semakin kukuh sejak 42 tahun yang lalu
11. Dato' Seri Najib telah meneruskan kesinambungan usaha Tun Abdul Razak ke peringkat yang lebih tinggi daripada sebelumnya terutamanya dalam aspek perdagangan
12. China merupakan 'trading partner' yang penting dalam pembangunan ekonomi negara Malaysia.
13. Hubungan dengan Singapura juga dipertingkatkan yang merupakan pelabur utama di Iskandar Malaysia
14. Malaysia juga meneruskan hubungan yang kukuh dengan negara Jepun
15. Kesannya hubungan perdagangan Malaysia Jepun terus meningkat dan berjaya menambah pendapatan negara
16. Di samping itu, hubungan Malaysia dan Amerika Syarikat terus diperkuuhkan
17. Kedua-dua buah negara telah bersepakat untuk saling bekerjasama dalam bidang-bidang yang memberi manfaat dan kepentingan bersama.
18. Amerika Syarikat merupakan rakan dagangan Malaysia terbesar
19. Malaysia pula merupakan rakan perdagangan ke-10 terbesar Amerika Syarikat.

*Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Malaysia perlu beralih haluan daripada pendekatan lampau memandangkan dasar luarnya perlu berkisar kepada usaha menjalin kerjasama yang membawa manfaat kepada rakyat dan negara*

## **Dasar luar Malaysia menyumbang kepada keamanan dunia.**

**-Dasar luar Malaysia menyumbang kepada keamanan dunia. Buktikan.**

### **POLITIK**

#### **Keselamatan dan keamanan dunia**

1. Pengisytiharan negara-negara ASEAN sebagai Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) agar dapat mengekalkan keamanan dan kestabilan politik di rantau Asia Tenggara.
2. Melalui pengisytiharan ini Malaysia tidak akan bersekongkol dengan mana-mana blok Barat. Usaha ini bertujuan mengelakkan campur tangan kuasa-kuasa besar dan larangan kuasa besar mengangkut bahan atau senjata nuklear melalui konsep SEANWFZ.
3. Malaysia menyertai pasukan pendamai PBB di Congo(1960) bagi menamatkan perang saudara
4. Negara turut mewakili pasukan pengaman PBB ke Namibia(1989) untuk membantu negara itu mencapai kemerdekaan
5. Malaysia menjadi perantara pihak bertelaah melalui penghantaran pasukan pemerhati ke sempadan Iran –Iraq.
6. Malaysia juga pernah mennghantar pasukan pemerhati ke Kampuchea dan pasukan pengaman ke Bosnia
7. Malaysia juga cuba mengatasi masalah pencerobohan Vietnam ke atas Kampuchea dan Malaysia turut serta dalam mesyuarat bagi membentuk kerajaan Demokratik Campuran Kampuchea.
8. Segala konflik dengan negara jiran diselesaikan melalui rundingan atau melalui mahkamah antarabangsa, contoh isu Pulau Batu Putih.
9. Malaysia mengusahakan perjanjian damai antara Kerajaan Filipina dengan Barisan Pembebasan Islam Moro( MILF) bagi pewujudan wilayah autonomi bangsa Moro di selatan Filipina.
10. Malaysia menyokong perjuangan penubuhan negara berdaulat Palestin di PBB
11. Malaysia menjadi mediator / orang tengah / perantara yang berjaya menyelesaikan konflik di sesebuah negara contohnya Selatan Thailand dan Selatan Filipina

12. Ini dapat dibuktikan melalui penubuhan Pergerakan Kesederhanaan Global yang berperanan sebagai perantara
13. Penubuhan ESSCOM atau Kawasan Keselamatan Pantai Timur Sabah juga membuktikan kesungguhan Malaysia untuk menguatkan kawalan keselamatan maritim di bahagian Timur Sabah susulan krisis pencerobahan Lahad Datu.

### **Membela dan menyokong hak asasi manusia**

14. Malaysia lantang bersuara di PBB menentang Dasar Apartheid di Afrika Selatan
15. Malaysia juga menyarankan agar Benua Antartika menjadi warisan dunia yang menjadi hak milik atau kuasa semua negara.
16. Malaysia mewujudkan cawangan Al-Quds Foundation Malaysia iaitu sebuah yayasan kebajikan untuk rakyat Palestin
17. UNICEF berkerjasama dengan SUHAKAM dalam program keganasan dan penyeludupan serta pendidikan mengenai konvensyen kanak-kanak
18. NGO Malaysia terlibat menyokong usaha dengan menujuhkan Pusat Jana Jaya (IMPOWER) dan mendapat sokongan UNICEF bagi mengukuhkan sokongan psikososial yang berasaskan komuniti kepada kanak-kanak dan keluarga
19. UNICEF bekerjasama dengan Pertubuhan kanak-kanak Malaysia (MAPC) bagi mengukuhkan persekitaran yang terjamin keselamatannya
20. Kolej Universiti HELP yang ditubuhkan di Malaysia telah berkerjasama dengan UNICEF untuk membanteras gejala buli di sekolah

### **Menjadi ahli pertubuhan dunia**

21. Malaysia berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Piagam PBB seperti memelihara keamanan dunia, melindungi hak asasi manusia, menegakkan keadilan dan kewibawaan undang-undang, serta menggalakkan perkembangan ekonomi dan sosial
22. Malaysia turut menganggotai agensi-agensi PBB yang lain seperti United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) dan United Nation Conference on Trade and Development (UNCTAD) bagi merealisasikan hasrat dunia untuk aman dan harmoni.
23. Dipilih menjadi Ahli Majlis Keselamatan PBB tahun 1965, 1989, 1999 dan 2016.
24. Wakil Malaysia, Tan Sri Razali Ismail pernah menjadi Pengurus Perhimpunan Agung PBB

25. Beliau juga pernah dilantik sebagai wakil khas PBB untuk menyelesaikan konflik politik negara Myanmar.
26. Malaysia menyuarakan pandangan dan bantuan kepada negara-negara ahli yang lain.
27. Misalnya usaha yang telah dibuat oleh Tunku Abdul Rahman selaku Setiausaha Agung OIC yang pertama.
28. Malah negara kita juga pernah menjadi tuan rumah Persidangan OIC 1974 dan 2003.
29. Negara kita turut sama menganjurkan persidangan menentang pengganas dalam kalangan negara Islam pada 2002 bagi memerangi keganasan.

### **EKONOMI**

#### **Mewujudkan kerjasama ekonomi dengan pertubuhan serantau dan antarabangsa**

30. Melalui mesyuarat CHOGM di Van Couver, Kanada pada tahun 1987, telah membuat menetapkan untuk mewujudkan sistem perdagangan yang lebih adil.
31. Kerjasama ekonomi di peringkat serantau negara turut menyertai kerjasama ekonomi melalui Zon Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) yang diumumkan dalam Sidang Kemuncak ASEAN di Singapura 1992.
32. Kerjasama secara tidak rasmi diteruskan melalui konsep ASEAN + 3.

### **SOSIAL**

#### **Bersama-sama membentras jenayah antarabangsa**

33. Malaysia lantang memerangi gejala penyalahgunaan dadah dalam satu persidangan antarabangsa diadakan di Vienna (Austria) Jun 1987. Perdana Menteri Malaysia pernah menjadi Yang Dipertua persidangan tersebut.
34. Malaysia turut prihatin dengan isu pemerdagangan manusia. Hal ini dapat dibuktikan apabila negara kita telah mewujudkan Majlis Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran (MAPO) bagi memastikan hak asasi mangsa pemerdagangan dijamin dan melalui proses pemulihan sehingga mereka diintergrasikan semula ke dalam masyarakat.
35. Bagi menyokong usaha memerangi keganasan, Malaysia juga telah mewujudkan Akta Pencegahan

Keganasan (SOSMA) dan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara.

36. Hal ini membolehkan kerajaan dapat mengawal dan menguruskan ancaman serta bertindak awal mengenai perkara yang berkaitan dengan keselamatan negara. Sebagai contoh isu ISIS dan keganasan Daesh.

### Bekerjasama dalam pembangunan sosial masyarakat

37. Bekerjasama dalam pengeluaran makanan di bawah agensi Pertubuhan Makanan dan Pertanian(FAO),  
38. Kerjasama dalam bidang kesihatan dan perubatan di bawah Pertubuhan Kesihatan Dunia(WHO)

### Meningkatkan pembangunan sains dan teknologi

39. Dasar luar negara juga penting untuk kemajuan dalam bidang sains dan teknologi. Hubungan yang erat dengan negara-negara maju memudahkan pemindahan teknologi moden ke dalam negara.  
40. Kemajuan dalam bidang teknologi diperlukan dalam pembinaan LRT / MRT, empangan hidro elektrik dan sebagainya.  
41. Kemajuan teknologi yang dimiliki oleh Kereta Api Tanah Melayu mendapat kepercayaan Arab Saudi sehingga diberi peluang untuk mengendalikan sebahagian perkhidmatan kereta api di sana.  
42. Kerjasama dalam bidang sains dan teknologi di bawah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Budaya Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO)

### Mendapat bantuan pendidikan kepada rakyat Malaysia dan negara anggota.

43. Tawaran biasiswa kepada para pelajar dari negara OIC untuk belajar di Universiti Islam Antarabangsa (UIAM)  
44. Rancangan Colombo menyediakan bantuan teknikal dan biasiswa dalam bidang pendidikan.  
45. Malaysia mendapat penghormatan daripada negara-negara anggota OIC kerana amat serius memperjuangkan hak dan kebijakan negara-negara Islam.  
47. Mengisyitiharkan Deklarasi Langkawi yang bersepakat mengawal dan mengatasi masalah pencemaran  
48. Malaysia berjaya menganjurkan Sukan Komanwel 1998 hingga hari ini.

### Dasar luar negara menyumbang kepada kemajuan Malaysia.

- Bagaimanakah dasar luar negara dapat menyumbang kepada kemajuan ekonomi Malaysia.

### Perluasan pasaran baru

1. Malaysia mendapat peluang pasaran eksport baru bagi barang tempatan.
2. Hubungan ini mengukuhkan kerjasama ekonomi dalam kalangan anggota pertubuhan antarabangsa/serantau.
3. Contohnya melalui AFTA yang berjaya mengembangkan perdagangan dan industri antara negara anggota ASEAN.
4. Gabungan 513 juta orang penduduk ASEAN menawarkan potensi besar untuk kerjasama ekonomi dalam kalangan negara anggota.

### Perdagangan yang lebih luas

5. Malaysia juga dapat mengikat perjanjian perdagangan yang lebih luas contohnya menandatangani Free Trade Area (FTA) dengan beberapa buah negara lain.
6. Contohnya negara ASEAN, Jepun, Pakistan, New Zealand, India, Chile dan Australia.
7. FTA yang sedang dirunding oleh kerajaan Malaysia pula adalah Malaysia-Turkey, Malaysia-European Union(EU), Malaysia-OIC dan Malaysia-D8 dan juga TPPA yang mendapat perhatian lebih masyarakat.
8. Hubungan ini telah menyediakan platform kepada pengeksport supaya lebih berdaya saing.
9. Hal ini dapat meningkatkan kebolehan inovatif melalui kerjasama dengan negara lain.

### Meningkatkan eksport negara

10. Jumlah dagangan global Malaysia pada 2010 meningkat kepada 1.2% berbanding 1.1% pada 2009.
11. Malaysia meneruskan usaha memperkuuhkan hubungan perdagangan dan ekonomi dengan rakan dagang tradisi iaitu AS, EU dan Jepun.
12. Menurut laporan Trade Organization 2010 Malaysia telah berjaya meningkatkan prestasi ekonominya dengan memperbaiki kedudukannya ke tangga ke-24 daripada ke-26 dalam senarai negara-negara perdagangan global pada tahun sebelumnya menurut laporan World Trade Organization 2010.
13. Sejak 1983, Malaysia memperbaiki kedudukannya sebagai salah satu negara perdagangan dan pengeksport utama global.

## Peluang pelaburan

14. Malaysia mencatat peningkatan yang signifikan dalam bilangan projek dan pelaburan dalam sektor pembuatan.
15. Sejumlah 910 buah projek pembuatan dengan jumlah pelaburan bernilai RM47.18 bilion telah diluluskan berbanding 766 buah projek pembuatan dengan jumlah pelaburan bernilai RM32.64 bilion pada 2009.
16. Projek-projek yang diluluskan pada 2010 dijangka mewujudkan sebanyak 97,319 peluang pekerjaan, di mana 74.2% adalah dalam kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan serta pekerja mahir.
17. Projek-projek tersebut dijangka mewujudkan 3.3 juta peluang pekerjaan
18. Peluang ini akan menjana Pendapatan Negara Kasar (PNK) berjumlah AS\$523 bilion (RM1.63 trilion) menjelang 2020.
19. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) memainkan peranan penting dalam aktiviti pelaburan komoditi utama Malaysia.
20. Pelabur utama negara kita adalah AS, Jepun, Hong Kong, Singapura dan Jerman.
21. Kerajaan akan meneruskan usaha mempromosi pelaburan domestik dan menggalakkan syarikat tempatan untuk menjadi pengusaha industri di peringkat global.
22. Ini dapat dibuktikan apabila prestasi pelaburan oleh syarikat domestik semakin baik pada tahun 2010 adalah dilihat sebagai tindak balas positif kepada ETP.

## Memajukan bidang pertanian



23. Malaysia kini merupakan pengeluar kelima terbesar dunia bagi produk berasaskan koko dan dieksport ke lebih 80 negara.
24. Malaysia membekalkan sumber akuakultur kepada 18 syarikat makanan laut yang mengeksport produk ke Eropah.
25. Agensi Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memperkenalkan *1 Malaysia Best* sebagai produk untuk pasaran tempatan dan global.
26. Kaedah pengenalan ini dapat membantu dalam mempertingkatkan jualan produk asas tani.

## Memajukan teknologi

27. Peningkatan penggunaan teknologi moden akan menguntungkan masyarakat dan negara.
28. Jepun, China dan Korea telah berkongsi maklumat dengan negara ASEAN mengenai perkembangan terkini dalam dasar Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).
29. Pertukaran ilmu dan teknologi dengan negara luar dapat menjana kemajuan negara.
30. Pada tahun 2010, empat syarikat utama Australia berminat terhadap pertukaran teknologi dan inovasi melalui perdagangan dan pelaburan.
31. Hal ini memberikan keuntungan kepada Malaysia kerana perdagangan antara Australia dengan Malaysia berjumlah A\$8.5 bilion dengan perdagangan memihak kepada Malaysia.
32. Melahirkan masyarakat yang kreatif dan berteknologi. Hal ini akan memberi peluang kepada rakyat Malaysia terlibat dengan pertandingan di peringkat antarabangsa.
33. Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Alor Gajah dalam pertandingan 8th International Exhibition for Young Inventors (IEYI) 2012 di Bangkok, Thailand.
34. Mereka berjaya meraih pingat emas sekaligus memartabatkan inovasi generasi muda Malaysia dalam bidang sains dan teknologi.

**Malaysia telah melahirkan warganegara yang berjaya mengharumkan nama negara di persada antarabangsa. Buktikan.**

### **Tun Dr. Mahathir Mohamad**

1. Berjaya membawa Malaysia keluar daripada krisis Kewangan Asia 1997
2. Tidak membuat pinjaman daripada International Monetary Fund (IMF)
3. Buku Biografi Margaret Thatcher "The Downing Street Years" mengakui kagum dengan kepimpinan dan pencapaian beliau.
4. Menjadi jurucakap pemimpin Negara Dunia Ketiga
5. Melancarkan Wawasan 2020 yang menggariskan cabaran mewujudkan negara maju mengikut acuan sendiri.
6. Merealisasikan projek-projek mega negara yang memodenkan negara.



7. Contoh Menara berkembar Petronas, Litar Sepang Formula One, KLIA, Pusat Pentadbiran Putrajaya.
8. Membangunkan kemudahan infrastruktur yang moden dan canggih seperti LRT, Monorel, terowong SMART.

### **Tan Sri Razali Ismail**



9. Pengerusi Kumpulan 77 yang dianggotai oleh 128 buah negara membangun.
10. Ahli Lembaga Pengarah International Peace Academy 1989-1990.
11. Naib Presiden Majlis Ekonomi dan Sosial PBB (ECOSOC) pada tahun 1991.

12. Mengetuai delegasi Malaysia ke United Nation Development Programme 1990-1992.
13. Mengetuai delegasi Malaysia ke Persidangan Rio membahaskan isu alam sekitar 1992.
14. Dilantik oleh Setiausaha Agung PBB sebagai wakil khas ke Myanmar.
15. Dilantik sebagai pengurus pertama Commission on Sustainable Development (CSD) pada 1993.
16. Pernah dilantik sebagai Pengerusi Perhimpunan Agung PBB pada 1989.
17. Anak Malaysia pertama memegang jawatan tertinggi dalam PBB
18. Beliau telah dilantik menjadi wakil tetap Malaysia ke PBB.
19. Seterusnya dilantik menjadi wakil Malaysia dalam Ahli Jawatankuasa Keselamatan PBB.
20. Pengerusi Jawatankuasa Majlis Keselamatan PBB berhubung sekatan senjata di Afrika Selatan
21. Ketua Delegasi Malaysia ke PBB tentang alam sekitar dan pembangunan (UNCED) Rio de Janeiro 1992.

### **Tan Sri Zety Akhtar Aziz**

- 
1. Wanita pertama sebagai gabenor bank negara
  2. Anugerah Ketua Bank Pusat terbaik dunia oleh majalah Global Finance.
  3. Anugerah kerana faktor kawalan inflasi, sasaran pertumbuhan ekonomi, kestabilan matawang dan pengurusan kadar faedah
  4. Ahli Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Bhd sejak 2004

## Datuk Dr Mazlan Othman



5. Melakukan penyelidikan dan pembangunan kajian astronomi negara.
6. Wanita pertama mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang astronomi dan astrofizik.
7. Dilantik sebanyak dua kali sebagai Ketua Pejabat Hal Ehwal Angkasa Lepas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNOOSA) di Vienna pada November 1999
8. Dilantik menjadi Ketua Pengarah Bahagian Kajian Sains Angkasa Negara

13. Siti turut menarik perhatian juri dengan kehebatan vokalnya sehingga dikurniakan hadiah 'Best Female Vocal Performance'.
14. Memenangi pertandingan Voice of Asia yang diadakan di Kazakhstan, dan mendapat gelaran tertinggi 'Grand Prix Champion'.
15. Siti pernah dijemput membuat persembahan di majlis Golden Melody Awards ke-15, Taiwan pada tahun 2004.
16. Beliau turut muncul dalam program khas setengah jam di Azio TV semasa lawatannya selama empat hari di Taipei, Taiwan.



## Datuk Jimmy Choo

9. Dianugerahkan gelaran profesor oleh Universiti of The Arts London atas sumbangan dalam bidang fesyen



10. Merupakan rakyat Malaysia pertama yang mendapat anugerah "Order of the British Empire" (Knighthood) oleh Permaisuri England, Queen Elizabeth II pada tahun 2002.

## Datuk Siti Nurhaliza

11. Pada Disember 1999, menerima anugerah iaitu Anugerah Emas untuk Asia New Singer Competition.
12. Pada tahun yang sama, beliau menyertai South Pacific International Song and Singing Competition 1999 di Gold Coast, Queensland, Australia hingga merangkul gelaran 'Pop Winner'.

## Datuk Nicole David

17. Wanita **pertama dari Asia** yang menduduki *ranking* nombor 1 dunia dalam bidang sukan squasy.
18. Wanita **paling muda** menjadi pemain nombor satu dunia (pada tahun 2005 ketika umur beliau 22 tahun)
19. Individu pertama menjuarai kejohanan terbuka dunia untuk **lima tahun berturut-turut** dari 2005-2010

## En. Mohd Nasarudin Mohd Yusof

20. Penerima Anugerah Nobel Keamanan 2013.
21. Anugerah yang diterima adalah daripada usaha gigih dalam menghapuskan senjata kimia serta penggunaanya di seluruh dunia.
22. Hadiah Nobel Keamanan yang dimenangi OPCW termasuklah pingat, diploma dan juga hadiah wang tunai bernilai kira-kira 900,000 euro (RM 3.77 juta).



## **Apakah cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam hubungan serantau dan antarabangsa serta langkah mengatasinya.**

**Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia sering menghadapi pelbagai tekanan daripada masyarakat antarabangsa.**

**Bagaimanakah Malaysia menangani tekanan tersebut.**

### **1 Isu Tuntutan Bertindih**

Contohnya isu Pulau Sipadan, Pulau Batu Putih dan Pulau Spartly

Masalah ini dirujuk kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ)

